

Headline	9 menteri, 4 timbalan pertahan kerusi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 May 2018	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	7	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	411 cm ²
Journalist	Mohd Azis Ngah	AdValue	RM 14,168
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,503



9 menteri, 4 timbalan pertahan kerusi

→ Tengku Adnan, Noh, Ismail Sabri antara menang di kawasan masing-masing

Oleh Mohd Azis Ngah, Nadia Hamid dan Nor Ain Mohamed Radhi
cnews@nstp.com.my

► Kuala Lumpur

Seramai 11 menteri dan lapan timbalan menteri mempertahankan kerusi masing-masing termasuk Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Ahmad Zahid diumumkan memenangi Parlimen Bagan Datuk selepas mendapat 18,909 undi, menewaskan calon PKR, Pakhurrizi Arshad (13,836 undi) dan calon PAS, Ata Abdul Munim Hasan Adli (4,061).

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri



PRU14

Mustapa Mohamed, menang kerusi Parlimen Jeli, Kelantan.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar, menang di Tanjong Karang, Selangor, manakala Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, mempertahankan kerusi Putrajaya.

Dua menteri dari Sarawak iaitu Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar menang di Santubong, Sarawak dan Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof mempertahankan kerusi Petrajaya, Sarawak.

Yang turut menang, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah,



Noh Omar



Nancy Shukri



Ismail Sabri Yaakob



Wan Junaidi

Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (Bera, Pahang); Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Anak Jaem (Serian, Sarawak) serta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim (Batang Lupar, Sarawak).

Menang 11,260 undi

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga penyandang kerusi Parlimen Batang Sadong, Sarawak, Datuk Seri Nancy Shukri, mempertahankan kerusi berkenaan. Pada PRU-13, beliau menang dengan 11,260 undi.

Penyandang kerusi Pengerang yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina

Othman Said mempertahankan kerusi disandangnya dengan 21,829 undi.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agong, mempertahankan kerusi Lawas, Sarawak, manakala Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican turut menang di Kepala Batas, Pulau Pinang.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Alexander Nanta Linggi mempertahankan kerusi Kapit, Sarawak, manakala Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M Saravanan menang di Tapah, Perak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Masir Anak Kujat menang

dengan 14,141 undi di kerusi Sri Aman, Sarawak.

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohd Sadique yang bertukar kerusi ke Parlimen Kota Tinggi, menang.

64 menteri tanding semula

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib mempertahankan kerusi Parlimen Maran, Pahang dengan majoriti 16,064 undi manakala, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman menang di Pasir Salak, Perak.

Daripada 66 menteri, hanya 64 bertanding semula pada PRU-14.